



# WAWANCARA EKSKLUSIF

## Y.BHG TAN SRI DR. ABDUL HAMID PAWANTEH

MyUniMAP kali ini amat bertuah kerana dapat menemubual secara eksklusif dengan seorang tokoh yang telah banyak berjasa kepada Negeri Perlis iaitu Y.Bhg. Tan Sri Dr. Abdul Hamid Pawanteh. Y.Bhg. Tan Sri merupakan mantan menteri Besar Perlis dan wawancara ini telah diadakan di pejabat beliau di Kangar, Perlis.

### SOALAN 1

Pertama sekali bagi pihak seluruh warga kerja MyUniMAP saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Y.Bhg Tan Sri di atas kesudian yang diberikan kepada kami untuk bersama Y.Bhg Tan Sri dalam ruangan Wawancara Eksklusif ini.

Sebagai pembuka bicara, bolehkah Y.Bhg Tan Sri bercerita dengan serba ringkas tentang latar belakang, pendidikan serta perjalanan karier sehingga ke tahap di mana Y.Bhg Tan Sri berada kini.

#### Jawapan 1:

Saya dilahirkan di Pulau Pinang pada tahun 1994. Pada tahun 1947 bapa saya seorang kerani kepada penasihat British Perlis, telah membawa kami sekeluarga ke Kangar. Pada tahun 1950 saya memulakan persekolahan di Sekolah Melayu Kangar dan pada tahun 1951 saya telah dihantar memasuki Sekolah Wellesley Primary School di Pulau Pinang.

Saya meneruskan persekolahan saya di Pulau Pinang sebelum balik bersekolah di Sekolah Derma pada tahun 1961 dan seterusnya bekerja sebagai guru sementara di sekolah yang sama sehingga tahun 1966 dan selepas itu melanjutkan pelajaran di Pakistan, mengikuti kursus pra-perubatan dan seterusnya sehingga memperoleh ijazah dalam bidang perubatan. Saya bertugas sebagai Pegawai Perubatan di Hospital Besar Kuala Lumpur dan kemudiannya di Hospital Kangar sehingga tahun 1978 dan dalam tahun yang sama saya telah beralih menjadi pengamal perubatan persendirian membuka sebuah klinik di Kangar.

Pada bulan April tahun 1982, saya telah bertanding sebagai salah seorang calon Barisan Nasional dan telah dipilih sebagai Ahli Parlimen bagi kawasan Parlimen Arau dan setahun kemudiannya dilantik sebagai Timbalan Yang DiPertua Dewan Rakyat. Pada tahun 1986, saya kembali bertugas di peringkat negeri sebagai ADUN kawasan Kota Raja dan Menteri Besar sehingga saya memilih untuk melepaskan jawatan semasa pilihan raya umum 1995 dan kemudiannya diberi tugas mengelola penswastaan HICOM (Heavy Industries Corporation of Malaysia) sambil bertugas sebagai Pengerusi Institut Jantung Negara. Selain itu, saya juga bersama-sama terlibat dalam memajukan Stesen Janakuasa Elektrik yang kini dikenali sebagai Teknologi Tenaga Perlis Consortium Sdn. Bhd.

Pada tahun 1999 saya telah sekali lagi memasuki Dewan Rakyat sebagai Ahli Parlimen bagi Kawasan Kangar, di mana saya telah bertugas sehingga tahun 2003 apabila saya telah sekaligus dilantik sebagai Ahli dan seterusnya Yang DiPertua Dewan Negara sehinggalah bersara pada 6 Julai 2009. Kini saya kembali berniaga. Dalam karier sepanjang lebih 36 tahun saya telah melibatkan diri saya dalam 3 bidang : perubatan, politik dan kerajaan, dan perniagaan, menjangkau kedua-dua sektor awam dan swasta. Kini saya meneruskan karier sebagai usahawan dalam bidang hartanah, logistik dan penjaan tenaga elektrik.

### SOALAN 2

Apakah pandangan Y.Bhg Tan Sri kepada pembangunan dan kemajuan negeri ini pada masa sekarang? Adakah Y.Bhg Tan Sri berpuashati dengan apa yang dicapai oleh Negeri Perlis sekarang?

#### Jawapan 2 :

Memandangkan saya pernah memegang jawatan Menteri Besar selama lebih 9 tahun, dan memandangkan kedua-dua Menteri Besar yang bertugas selepas saya merupakan rakan seperjuangan dalam satu angkatan dan satu parti, saya berpendirian saya hilang hak membuat penilaian terbuka mengenai perkara ini, kerana ianya merupakan bidang tugas utama bagi seorang Menteri Besar. Ini soal dokongan terhadap prinsip dan etika yang dekat di hati saya. Walaubagaimanapun saya mengaku pernah memberi pandangan dan penilaian yang berkaitan secara peribadi dan secara langsung kepada kedua-dua Menteri Besar yang bertugas selepas saya.

Saya harap jawapan saya ini, walaupun tidak menepati soalan yang diajukan, dapat juga menyerlahkan bahawa adakalanya dokongan terhadap prinsip-prinsip tertentu adalah lebih penting dari memaparkan sesuatu pandangan atau penilaian secara terbuka.

### SOALAN 3

Sebagai seorang yang amat berjasa kepada Negeri Perlis, apakah nasihat Y.Bhg Tan Sri kepada seluruh rakyat negeri ini dalam mengharungi cabaran dan membangunkan negeri yang tercinta ini?

#### Jawapan 3 :

Sebenarnya saya tidak pernah merasakan saya telah berjasa secukupnya kepada Negeri Perlis. Ketika saya dilantik, saya telah membuat rumusan bahawa di hadapan saya terdapat tugas-tugas berikut :-

1) Memantap dan mengerakkan mekanisme dan jentera membuat keputusan di peringkat negeri dengan jelas dan jitu agar dapat membuahkannya sebanyak mungkin keputusan-keputusan dalam masa singkat, demi keberkesanan pentadbiran negeri dan kepimpinan saya.

2) Menyelesaikan masalah kewangan dan aliran tunai sambil memperkukuhkan sistem kewangan negeri serta akauntabiliti di semua peringkat, supaya Kira-kira Wang Negeri tidak menjemput kritikan atau teguran dari pihak Ketua Audit Negara.

3) Memastikan hala tuju pembangunan negeri benar-benar membawa kepada peningkatan tahap sosio-ekonomi dan kesejahteraan rakyat, yang antaranya adalah dengan membanyakkan peluang-peluang pekerjaan, meningkatkan prasarana dan kebajikan untuk rakyat.

4) Mereda atau meleraikan kerenah, gelagat, dan kemelut politik supaya tindakan-tindakan mentadbir dan membangunkan lebih berkesan.

Dalam konteks tersebut saya kira kehadiran saya sebagai pemimpin negeri selama hampir 9 tahun telah tidak membawa begitu banyak kesan, maka jasa saya kepada seluruh rakyat negeri dalam mengharungi cabaran dan membangunkan negeri tercinta ini ialah supaya semua pihak sentiasa tumpukan perhatian dan tindakan kepada 4 perkara tersebut.

### SOALAN 4 :


Berbalik kepada UniMAP, sejauh manakah Y.Bhg Tan Sri mengenali Universiti ini yang merupakan sebuah Institusi Pengajian Tinggi Awam dan antara yang termuda di Negara kita?

#### Jawapan 4 :

Walaupun saya tidak begitu mengenali UniMAP, tetapi saya amat mengambil maklum impak kehadiran UniMAP terhadap masyarakat khususnya terhadap pembangunan ilmu, ekonomi dan minda di negeri Perlis. UniMAP meninggalkan impak yang cukup besar kepada masyarakat terutama dari aspek psikologi dan pembangunan minda sekalipun. Dari aspek psikologi, memandangkan, Perlis ini negeri yang terkecil dan di antara yang termiskin, ditambah dengan begitu kurang kemudahan menjadikan rasa rendah diri rakyat atau dalam istilah lain "berasa lekeh" sangat menebal. Namun dengan kehadiran UniMAP, rasa lekeh itu telah berganti dengan satu rasa kemegahan iaitu "kami pun ada universiti".

Bagi aspek pembangunan minda pula, saya yakin saya dapat lihat UniMAP juga memainkan peranan nyata. Pertamanya tidak pernah hadir di bumi Perlis ini begini ramai insan yang ada kaitan dengan ilmu dan keilmuan.





Maka sudah tentu rakyat yang berinteraksi dengan pelajar, pensyarah, profesor dan ahli-ahli akademik sedikit sebanyak akan memperolehi manfaat daripada pembangunan minda ini. Apatah lagi konsep taburan UniMAP di seluruh negeri Perlis juga menyumbang ke arah pembangunan ini. Sebab itu saya amat mengharapkan UniMAP mengekalkan konsep ini, kerana kalau kita terlalu pusatkan aktiviti UniMAP, impak UniMAP ke atas pembangunan negeri akan berkurangan.

#### **SOALAN 5:**

**Slogan 'Perlis Negeri Ilmu' telah lama dilayangkan dan sebatikan kalangan rakyat Negeri Perlis ini. Apakah Y.Bhg Tan Sri melihat kewujudan UniMAP dapat menjadi pelengkap kepada industri ilmu dan seterusnya menjadi pemangkin pembangunan di Perlis ini?**

#### **Jawapan 5:**

Dalam strategi lama yang diambil oleh negeri Perlis, pertumbuhan ekonomi negeri akan banyak bergantung kepada sektor perkhidmatan. Maka atas sebab itulah, semasa kepimpinan negeri di bawah Allahyarham Dato Ali Haji Ahmad, telah digubal strategi pembangunan yang menjuruskan kepada Perlis sebagai sebuah negeri industri pelajaran yang mana kemudiannya saya ubah ungkapan untuk impak yang lebih baik iaitu Perlis Negeri Ilmu.

Jadi berlaku perubahan (tidak hanya pada ungkapan sahaja) yang menandakan betapa pentingnya sektor pelajaran dan pendidikan bukan sahaja dalam konteks pembangunan insan/Negara yang lebih meluas, malah dalam konteks pembangunan ekonomi negeri sendiri.

Maka apabila tertubuhnya UniMAP, serta merta saya sedia maklum bahawa ia akan banyak membantu pembangunan ilmu ini. Dan pada hari ini keyakinan dari rumusan tersebut tidak meleset. Nyata UniMAP berjaya menjadi institusi yang begitu banyak menyumbang kepada ekonomi negeri dan pembangunan ilmu mungkin yang terbesar dari sudut multiplier effect yang dicetuskan oleh UniMAP.

#### **SOALAN 6:**

**Misi UniMAP adalah 'Institusi Akademik dan Penyelidikan yang Berdaya Saing di Persada**

**Antarabangsa'. Pada pendapat Y.Bhg Tan Sri, apakah cabaran dan rintangan yang perlu dihadapi oleh sesebuah IPTA di Malaysia untuk menuju ke arah matlamat itu?**

#### **Jawapan 6:**

Sejak dari awal lagi, saya amat berpuas hati kerana UniMAP telah dikenalpasti untuk dibangun sebagai universiti kejuruteraan dalam usaha memajukan penghayatan sains dan teknologi. Justeru, sesebuah institusi yang demikian rupa mempunyai peluang terbaik untuk menjadi institusi sains dan teknologi adalah sangat pantas dan menjadi antara aspek yang penting di dunia.

Peluang untuk menyatakan impak melalui penyelidikan dan penyebaran ilmu ada dalam bidang-bidang tersebut. Tapi bagi saya ada sedikit pesanan di sini, untuk lebih memungkinkannya UniMAP terkenal di persada antarabangsa, warga UniMAP perlu mempunyai world view dan pemikiran yang syumul atau sejagat. They must have the mindset of universal citizens. UniMAP juga akan berdepan dengan cabaran membebaskan atau meleraikan pemikiran daripada belunggu tradisi dan dogma. Maka untuk itu, UniMAP tidak boleh terlalu terikat dengan cara pemikiran yang tradisional dan dogmatik.

#### **SOALAN 7:**

**Pada pandangan peribadi Y.Bhg Tan Sri, adakah bidang kejuruteraan dapat menguasai pasaran pekerjaan dan bagaimanakah kelompok ini dapat bersaing dengan kepesatan teknologi pada masa akan datang?**

#### **Jawapan 7:**

Saya tak perlu jawab soalan ini, kerana bagi saya UniMAP sudah pun mengenal pasti bidang-bidang tersebut melalui penekanan terhadap elektronik dan robotik. Apa yang sedang dibuat oleh UniMAP ini saya kira tepat, kerana memberi penekanan khusus terhadap modul pembelajaran dan kursus yang ditawarkan. UniMAP is definitely on the right track.

#### **SOALAN 8:**

**Kalau di peringkat kebangsaan kita ada slogan 1Malaysia, UniMAP juga tidak ketinggalan di mana Universiti ini telah lama melaungkan slogan 'UniMAP**

**Juara Perpaduan'. Apakah Y.Bhg Tan Sri melihat UniMAP mampu menjadi sebuah institusi yang berupaya menjana perpaduan?**

#### **Jawapan 8:**

Saya dapat perhatikan, UniMAP telah berjaya mewujudkan satu persekitaran yang menampakkan toleransi dan nilai-nilai sejagat. Maka kalau hendak dikatakan UniMAP ini Juara Perpaduan, saya kira, UniMAP bukan sahaja mampu malah lebih merupakan institusi katalis terhadap perpaduan. Kehadiran pelajar antarabangsa, meluaskan lagi pergaulan masyarakat di negeri Perlis ini. Apatah lagi sesama bangsa, seharusnya kita bergaul dengan orang yang berlainan, kerana pergaulan itu antara faktor pertama terhadap pembangunan minda. Sebab tu saya sangat mendokong dan menyokong slogan, "Pergaulan Meluas Menjamin Pembangunan" yang mana bagi saya gaul itu maksudnya diskusi dan perkongsian ilmu. UniMAP adalah satu universiti teknikal dan kejuruteraan yang saya percaya tidak sahaja menumpu kepada aspek kejuruteraan dan sains teknologi tetapi dari aspek masyarakat, pembangunan insan. UniMAP mempunyai sumbangan yang nyata sekali.

#### **SOALAN 9:**

**Pihak MyUniMAP amat berbesar hati di atas kesudian Y.Bhg Tan Sri meluangkan masa bersama kami pada kali ini. Akhir kata, apakah harapan Y.Bhg Tan Sri kepada seluruh warga UniMAP, khususnya kepada pentadbir dan juga mahasiswa-mahasiswi universiti ini.**

#### **Jawapan 9:**

Saya dah bercakap panjang mengenai harapan dalam jawapan terdahulu, jadi saya simpulkan di sini, harapan saya ialah moga UniMAP berkembang maju di atas landasan-landasan yang kini sudahpun dikenalpasti agar warganya menjadi global atau world citizens, ibarat peribahasa 'benih yang baik dicampak ke lautan sekalipun akan menjadi pulau.'

**MyUniMAP merakamkan jutaan penghargaan dan terima kasih kepada Y.Bhg. Tan Sri Dr. Abdul Hamid Pawanteh di atas kerjasama dan masa yang diluangkan bersama kami.**

